

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA
[35 markah]

- 1 Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata majmuk. Kemudian bina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap kata majmuk tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Disiplin murid dapat dibentuk seawal mereka memasuki alam persekolahan. Dalam memberikan tunjuk ajar kepada para murid di dalam kelas, guru-guru perlu menitikberatkan disiplin kerana aspek tersebut mempengaruhi kecemerlangan mereka dalam akademik dan sahsiah. Selain itu, ibu bapa perlulah cakna terhadap disiplin anak-anak mereka dalam tindak-tanduk ketika berada di rumah. Perkara ini penting kerana media cetak pada hari ini banyak memaparkan masalah disiplin dalam kalangan murid. Oleh itu, ibu bapa perlu memberikan kerjasama kepada pihak sekolah untuk mengatasi masalah ini.

Dipetik dan diubah suai daripada
 'Disiplin Tonggak Kemenjadian Pelajar'
 oleh Shahrul Danial Farhan Abdul Razak,
Dewan Siswa, Bil. 6/2019

- [bahagian 3] [8 markah]

- 2 Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian gabungkan **ayat tunggal yang bergaris** di bawah menjadi **tiga ayat majmuk** dengan menggunakan kata hubung yang sesuai.

Ibu bapa yang bertanggungjawab perlu sedar. Mereka berperanan sebagai pemudah cara dalam pemilihan kerjaya anak-anak pada masa depan. Ibu bapa perlu memberikan kebebasan kepada anak-anak untuk membuat pilihan kerjaya. Mereka mempunyai cita-cita sendiri. Mereka sepatutnya membantu anak-anak sebanyak mungkin tentang pemilihan kerjaya. Pemilihan kerjaya yang sesuai boleh menjamin kecemerlangan pada suatu hari nanti. Pemilihan kerjaya yang sesuai boleh menjanjikan kesenangan pada suatu hari nanti.

Dipetik dan diubah suai daripada
 'Peranan Ibu Bapa: Sokong Anak Pilih Kerjaya'
 oleh Dr Anjli Doshi Gandhi,
Pendidik 03/2017

- [bahagian 3] [6 markah]